

Headline	Amin optimis Malaysia pertahan juara mampu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Sukan	Page No	49
ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,017		



# Amin optimis Malaysia mampu pertahan juara

**Kuala Lumpur:** Pertahanan negara, Muhammad Amin Rahim optimis skuad hoki negara bimbingan Tai Beng Hai mampu mempertahankan pingat emas di Sukan SEA Myanmar 2013 meskipun tuan rumah menggunakan khidmat jurulatih Pakistan.

Baginya, kekuatan skuad negara di rantau Asia Tenggara sememangnya tidak dapat dinafikan tetapi kesungguhan dari pasukan lain terutama Myanmar dan Singapura yang ingin merampas gelaran sebagai jaguh di rantau ini tidak harus diperlekehkan.

“Bukan ingin mendabik dada tetapi di Asia Tenggara saingannya tak sekuat di Asia, namun itu tidak bermakna kami boleh pandang rendah pasukan lain, sebaliknya harus hormati mereka.

## Mampu penuhi kehendak

“Apatah lagi, saya difahamkan tuan rumah Myanmar difahamkan menggunakan kepakaran jurulatih

Pakistan yang sudah tentu boleh mengubah corak permainan mereka,” katanya.

Mengulas mengenai persiapan dirinya untuk mengharungi detik

kali kedua mewakili negara di temasya dwitahunan itu selepas Brunei 1999, Amin berkata dia tidak mempunyai sebarang masalah untuk bergandingan dengan pemain remaja dan Beng Hai yang pernah membimbingnya dalam skuad kebangsaan sebelum ini.

“Tak ada masalah besar buat saya untuk bersama pasukan. Biarpun sesi latihan setakat ini belum lengkap kerana masih ada pemain senior yang bersama skuad kebangsaan di Korea, saya lihat kami ada persefahaman,” kata Amin.

## BIODATA

### Muhammad Amin Abd Rahim

- ⊙ Asal: Sungai Besi, Kuala Lumpur
- ⊙ Tarikh lahir: 31 Januari 1980
- ⊙ Pendidikan: Sekolah Kebangsaan Serdang, Sekolah Menengah Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Diploma Sains Sukan Universiti Teknologi Mara (1998-2002)
- ⊙ Pencapaian: Sukan Asia 2010 (perak) Sukan Asia 2002 (gangsa) Sukan Komanwel 2006 (gangsa)
- ⊙ Kap: 248
- ⊙ Kelab: Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Headline	Amin optimis Malaysia pertahan juara mampu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Sukan	Page No	49
ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 27,017		

